

TARIKH	19 / 7 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	n7	RUANGAN	Berita

210 murid sertai Kem bahasa Inggeris

Georgetown: Seramai 210 murid Tahun Empat hingga Tahun Enam bersemangat meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris dengan menyertai Kem Bahasa Inggeris di Kompleks Tabung Haji, Bayan Lepas, di sini.

Mereka yang juga ahli Kelab TaHa kebanyakannya dari sekitar kawasan Bayan Lepas menyertai kem selama sehari anjuran Tabung Haji dan BH.

Pengarah Tabung Haji Pulau Pinang, Rozimin Ahamed Kamil, berkata program perintis itu bertujuan mendedahkan pelajar mengenai kepentingan bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua di negara ini.

Sambutan menggalakkan

"Walaupun kem bahasa Inggeris ini baru diperkenalkan, sambutan diterima amat menggalakkan iaitu melebihi sasaran 150 murid.

"Program ini' juga untuk meningkatkan penguasaan dan keupayaan bahasa Inggeris dalam

kalangan pelajar Islam terutama ahli Kelab TaHa," katanya.

Sementara itu, peserta, Noor Aida Adlina Noor Naem, 12, dari Sekolah Kebangsaan (SK) Bayan Lepas berharap penyertaannya itu dapat membantu memperoleh keputusan cemerlang dalam subjek bahasa Inggeris.

"Walaupun sering memperoleh A untuk subjek bahasa Inggeris dalam peperiksaan biasa, saya ingin memperoleh keputusan lebih baik terutama dalam Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) tidak lama lagi," katanya.

Muhammad Ali Imran Fakhruzi, 12, dari SK Selama, Perak pula berkata, dia menyertai program itu hasil dorongan bapanya yang ingin melihat kejayaannya dalam pelajaran.

"Ini adalah persediaan menghadapi UPSR. Selain itu, ia dapat meningkatkan keyakinan saya untuk berkomunikasi dalam bahasa Inggeris," katanya.



Peserta kem bahasa Inggeris anjuran bersama BH dan Lembaga Tabung Haji, di Kompleks Tabung Haji, Bayan Lepas, Pulau Pinang. (FOTO MICHAEL ONG / BH)